

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI KESTAM DIRAJA MALAYSIA (POH PERAK)

OLEH

ZAHIDAH BINTI HAJI ABDUL MANAP
SARAJANA MUDA PENGURUSAN
(POLEMI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
2006

8/3442

1100045607

 Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

LI 69 FPE 2 2006



1100045607

Laporan akhir latihan industri di Kastam Diraja Malaysia Ipoh Perak / Zahidah Haji Abdul Manap.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100045607

Lihat sebelah



LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI KASTAM DIRAJA MALAYSIA IPOH PERAK

DISEDIAKAN OLEH
ZAHIDAH BINTI HAJI ABDUL MANAP
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI
MALAYSIA
2006

i10004560?

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya Zahidah Binti Haji Abdul Manap (UK 9418) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan



Nama: Zahidah Binti Haji Abdul Manap

Tarikh: 16 November 2006

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM
b/p Pengurus Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
KUSTEM

PENGHARGAAN

Bersyukur kehadrat Ilahi kerana dapat saya menyiapkan Laporan Akhir Latihan Industri saya ini. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Puan Ismar Liza Mahani Ismail, selaku penyelia Latihan Industri saya yang banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, penerangan dan penjelasan yang mendalam untuk saya menyiapkan laporan akhir ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kastam Ipoh Perak yang telah memberi peluang kepada saya untuk menjalani Latihan Industri di sana selama 12 minggu. Ini membolehkan saya memperolehi sedikit pengalaman bekerja serta membolehkan saya mengaplikasikan apa yang telah saya pelajari di dalam dewan kuliah kepada bidang pekerjaan. Penghargaan saya tujukan kepada Encik Mohd Jamil Bin Abd. Majid selaku Penolong Kanan Pengarah Kastam, Bahagian Pengurusan kerana beliau banyak memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang saya menjalani Latihan Industri di Kastam Ipoh.

Tidak dilupakan Penolong Penguasa Kastam Cawangan Pentadbiran Am dan Personel, Norhayati Binti Saharuddin, selaku penyelia industri saya di Jabatan Kastam kerana sudi meluangkan masa memberi tunjuk ajar dan penjelasan dengan lebih mendalam mengenai fungsi sebenar Jabatan Kastam. Tidak dilupakan juga, Encik Mohamed Ramlee Bin Abu Rashid yang sentiasa mendekati saya untuk megetahui lebih mendalam setiap permasalahan yang saya hadapi dan sering menjawab persoalan saya yang berkaitan dengan Jabatan Kastam. Di samping itu, ribuan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan Bahagian Pengurusan, Bahagian Media dan Bahagian Cukai Dalaman yang sentiasa memberikan kerjasama kepada saya sepanjang menjalani Latihan Industri.

Akhir sekali, ribuan terima kasih diucapkan kepada ibu bapa dan keluarga saya yang memberikan bantuan kewangan dan sokongan moral kepada saya sepanjang menjalani Latihan Industri ini. Tanpa mereka mungkin tidak dapat saya menjalani Latihan Industri saya ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

MUKA DEPAN

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI RAJAH	vii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI LAMPIRAN	ix
RINGKASAN EKSEKUTIF	x
BAB 1 Pengenalan	

1.1 Latar Belakang Organisasi	1
1.2 Maklumat Organisasi	3
1.2.1 Objektif	3
1.2.2 Tanggungjawab	4
1.2.3 Misi jabatan.	5
1.2.4 Visi jabatan	5
1.2.5 Moto	5
1.3 Struktur Organisasi	7
1.4 Peranan Organisasi	11
1.5 Aktiviti Organisasi	14
1.5.1 Program Utama	14
1.5.2 Program pencegahan	16
1.5.3 Program pengurusan.	17
1.5.4 Program perancangan dan pembangunan korporat.	19
1.5.6 Arena antarabangsa.	20
1.5.7 Latihan.	22

BAB 2 Sistem Yang Sedia Ada, Pengenalpastian Masalah dan Cadangan Penyelesaian

2.1	Sistem Yang Sedia ada	24
	2.1.1 Sistem Penerimaan dan Pendaftaran Fail Induk Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.	24
	2.1.2 Pendaftaran Permohonan Sijil Pengecualian Daripada Pelesenan.	29
	2.1.3 Sistem Pendaftaran Borang Cj No.3 Tanpa Potongan Cukai Jualan (Pungutan)	31
	2.1.4 Sistem Yang Dijalankan di Ipoh Cargo Terminal.	33
	2.1.4.1 Pelepasan Dagangan Import (Kontena).	33
	2.1.4.2 Pelepasan Dagangan Eksport (Kontena)	36
	2.1.4.3 Pelepasan Dagangan Import (Pemindahan Dalam Wilayah)	39
	2.1.4.4 Pemindahan Dagangan Import Daripada Ict Ke Zon Bebas Menggunakan Borang Kastam No.8.	41
	2.1.4.5 Pelepasan Gudang Berlesen	43
2.2	Pengenalpastian Masalah	46
	2.2.1 Dokumen Tidak Lengkap	46
	2.2.2 Dokumen Yang Meragukan	46
	2.2.3 Sikap pelesen yang tidak peka	47
	2.2.4 Tidak Mendapat Kerjasama	47
	2.2.5 Risiko keselamatan	47
	2.2.6 Penggunaan Sistem Manual	48
	2.2.7 Masalah Pengisytiharan Barang.	48
2.3	Cadangan Kepada Penyelesaian	49
	2.3.1 Pendedahan Maklumat	49
	2.3.2 Mengadakan Kempen	49
	2.3.3 Memperbanyak Pemantauan	49
	2.3.4 Menyediakan Kumpulan Pengiring	50
	2.3.5 Memperkenalkan Format Tahunan	50
	2.3.6 Sistem Berkomputer	50
	2.3.7 Menyelaraskan Kod Hasil	51
BAB 3	KESIMPULAN	52
RUJUKAN		55

SENARAI RAJAH

- Rajah 1: Carta organisasi Jabatan Kastam Malaysia Negeri Perak mengikut perjawatan.
- Rajah 2: Carta organisasi di Jabatan Kastam Malaysia Negeri Perak
- Rajah 3: Sistem Penerimaan dan Pendaftaran Fail Induk Cukai Jualan
- Rajah 4: Sistem Penerimaan dan Pendaftaran Fail Induk Cukai Perkhidmatan.
- Rajah 5: Sistem Pendaftaran Permohonan Sijil Pengecualian Daripada Pelesenan.
- Rajah 6: Sistem Pendaftaran Borang Cj No.3 Tanpa Potongan Cukai Jualan (Pungutan).
- Rajah 7: Proses Meluluskan Borang Kastam No.1 Bagi Pelepasan Dagangan Import (Kontena)
- Rajah 8: Proses Meluluskan Pelepasan Dagangan Eksport (Kontena)
- Rajah 9: Proses Meluluskan Pelepasan Import Pemindahan Dalam Wilayah- Borang Kastam No.3
- Rajah 10: Proses Meluluskan Borang Ikrar Kastam No.8 Bagi Pemindahan Dagangan Import Dari ICT Ke Zon Bebas
- Rajah 11: Proses Pelepasan Gudang Berlesen

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Unit-unit disetiap aras di Wisma Kastam Ipoh Perak

Jadual 2: Kursus-kursus yang ditawarkan

SENARAI LAMPIRAN

- | | |
|--------------|--|
| Lampiran 1: | Dokumen-dokumen Pelesenan Cukai Jualan |
| Lampiran 2: | Dokumen-dokumen Pelesenan Cukai Perkhidmatan |
| Lampiran 3: | Sistem Pendaftaraan Fail Cukai Jualan. |
| Lampiran 4: | Sistem Pendaftaran Fail Cukai Perkhidmatan |
| Lampiran 5: | Kod Hasil Cukai Jualan |
| Lampiran 6: | Kod Hasil Cukai Jualan |
| Lampiran 7: | Pendaftaran Permohonan Sijil Pengecualian Daripada Pelesen |
| Lampiran 8: | Contoh Pengiraan “Threshold” Cukai Jualan |
| Lampiran 9: | Checklist Borang CJ No.3 yang Telah Lengkap Diisi |
| Lampiran 10: | Sistem Pendaftaran Borang CJ No.3 |
| Lampiran 11: | Pengakuan Barang-Barang Yang Diimport (Borang K1) |
| Lampiran 12: | Pengakuan Barang-Barang Yang Dieksport (Borang K2) |
| Lampiran 13: | Permohonan / Permit Untuk Mengangkut Barang-Barang Dalam Persekutuan (Borang K3) |
| Lampiran 14: | Permohonan / Permit Untuk Pindahkapal / Memindahkan Barang-Barang (Borang K8) |
| Lampiran 15: | Permintaan / Permit Untuk Memindahkan Barang-barang Berduti (Borang K9) |

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri selama 12 minggu diadakan untuk mendedahkan pelatih kepada alam pekerjaan sebenar yang bakal ditempuhi setelah bergraduat. Latihan Industri ini juga memberikan segala pengetahuan dan pengalaman yang amat berguna kepada pelatih apabila menempuh alam pekerjaan yang sebenar.

Di samping itu, Latihan Industri bertujuan membolehkan pelatih mengaplikasikan apa yang dipelajari di universiti sewaktu pelatih menjalani Latihan Industri. Pelatih juga dapat belajar cara pentadbiran dan pengurusan, mengenal pasti sistem-sistem yang dijalankan di tempat Latihan Industri dan juga permasalahan yang dapat dilihat semasa menjalani Latihan Industri. Pelatih juga boleh mengemukakan beberapa cadangan penyelesaian dalam laporan Latihan Industri yang dibuat selepas tamat tempoh menjalani Latihan Industri. Kemungkinan cadangan penyelesaian yang diutarakan oleh pelatih di dalam Laporan Latihan Industri benar-benar berguna.

Sepanjang menjalani Latihan Industri pelatih dikehendaki bergaul atau berkomunikasi dengan pelbagai pihak seperti pekerja atau pelanggan kepada organisasi tersebut. Latihan Industri ini memperlihatkan sejauhmana tahap komunikasi pelatih dengan pegawai, pekerja serta pihak pelanggan organisasi. Ini akan membina keyakinan pelatih untuk berkomunikasi dengan orang ramai dan pendedahan awal kepada pelatih untuk menghadapi alam pekerjaan yang sebenar nanti.

Organisasi yang dipilih pelatih untuk menjalani Latihan Industri adalah di Jabatan Kastam Ipoh Negeri Perak, bertempat di Wisma Kastam di Jalan Kinta, Off Jalan Tun Abdul Razak, Ipoh. Di sini pelatih dapat mengetahui fungsi sebenar Jabatan Kastam dan tugas sebenarnya kepada negara. Banyak pengalaman yang dapat ditimba oleh pelatih sepanjang menjalani Latihan Industri di Jabatan Kastam Ipoh Perak.